

Pelaksanaan Kemahiran Bertutur dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor

The Implementation of Speaking Skill in Arabic Language Teaching at Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor

Adnan Mat Ali¹, Mohamad Syukri Abd Rahman², Mohd Izzuddin Mohd Pisol³, Ahmad Ismail⁴ & Mohd Kamal Radiman⁵

Terima	Wasit
21 MAC 2018	2 MEI 2018

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti kaedah kemahiran bertutur dalam pengajaran bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi di seluruh negeri Selangor. Data yang terkumpul adalah hasil edaran borang soal selidik secara rawak mudah kepada guru yang mengajar bahasa Arab seramai 56 orang responden. Persepsi guru bahasa Arab terhadap pelaksanaan kemahiran bertutur dalam pengajaran bahasa Arab secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai purata min keseluruhan (min=3.49). Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa amalan kemahiran bertutur yang berada pada tahap sederhana rendah yang diamalkan oleh guru bahasa Arab, antaranya meminta murid menjalankan perbualan dalam bahasa Arab bersama rakan tanpa melihat buku, meminta murid bercakap di hadapan kelas dalam bahasa Arab tanpa melihat buku atau teks. Dapatan kajian juga menunjukkan guru kurang menekankan kemahiran bertutur dalam proses pengajaran bahasa Arab. PdP bahasa Arab amat memerlukan pendekatan komunikatif yang pelbagai kerana bahasa merupakan alat perhubungan dan komunikasi. Diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan kepada guru dalam meningkatkan kemahiran bertutur dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah.

Kata Kunci: Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Kemahiran Bertutur, Bahasa Arab.

ABSTRACT

This research is conducted to identify the method of how speaking skills is conducted in Arabic Language lessons in Sekolah Rendah Agama Integrasi all over Selangor. Perception of Arabic Language teacher towards the implementation of speaking skill in Arabic is high intermediate with total of mean average is 3.49. The findings show that school teachers practice methods that scored low intermediate, these include asking students to converse in Arabic with friends without looking at the books and asking students to converse in Arabic in front of the class without looking at books or texts. The findings also show that teachers do not emphasise on speaking skills in the process of teaching. Teaching and learning Arabic language indeed needs variety of communication approaches as language is a tool for

¹ Adnan Mat Ali, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

² Mohamad Syukri Abd Rahman, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

³ Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

⁴ Ahmad Ismail, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

⁵ Mohd Kamal Radiman, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor

communication. It is hope that this research will become a guide to the teacher in improving teaching speaking skill in Arabic language.

Keywords: Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Speaking Skill, Arabic Language.

PENGENALAN

Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) mula dilaksanakan pada tahun 2000 melalui proses projek rintis di 10 buah sekolah. Pengubahsuaian ini selaras dengan hasrat kerajaan negeri Selangor untuk meningkatkan kualiti Pendidikan Islam berdasarkan resolusi Tonggak ke 10 YAB Menteri Besar Selangor dalam meningkatkan penghayatan, kefahaman Islam dan moral melalui pendidikan bersepadu serta menyeluruh dalam kalangan murid di peringkat pendidikan rendah. Sehingga tahun 2010, 11 buah SRAI telah beroperasi di 8 buah daerah. Pentadbiran dan pengurusan SRAI adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pelaksanaan kurikulum SRAI adalah menggabungkan Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA) dibawah JAIS. Manakala, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)/Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Perjalanan waktu pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada sesi persekolahan iaitu 2 jenis sesi persekolahan (1 sesi persekolahan atau 2 sesi persekolahan). Kajian ini memfokuskan kepada guru yang mengajar bahasa Arab dan murid tahun 6 yang telah mengikuti kurikulum bahasa Arab SRAI.

PENYATAAN MASALAH

Guru memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan tersebut berkait rapat dengan keupayaan guru dalam memilih strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai digunakan. Justeru, aspek pendekatan dan kaedah pengajaran guru bahasa Arab perlu disesuaikan dengan keperluan murid dalam kemahiran berbahasa. Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin (2012) mendapati bahawa amalan pengajaran guru bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana dan tidak mempengaruhi pencapaian pelajar. Hal ini disebabkan oleh penguasaan guru yang rendah terhadap kemahiran bahasa Arab Noor Shamshinar et.al. (2014). Penguasaan bahasa Arab yang baik khususnya dalam kalangan guru-guru bahasa Arab dan juga guru-guru Pendidikan Islam dalam menjalankan aktiviti pengajaran bahasa Arab menjamin pengajaran yang lebih berkesan sebagaimana yang dinyatakan oleh Rosni Samah (2009), penguasaan ilmu bahasa Arab yang baik penting untuk mendalami ilmu-ilmu Islam secara mendalam. Dengan adanya penguasaan ilmu bahasa Arab yang baik juga, guru pendidikan Islam dapat menyampaikan ilmu-ilmu Islam dengan lebih berkesan.

Dari sudut yang lain, pembelajaran bahasa Arab bukan hanya tertumpu kepada aktiviti menghafal tatabahasa dan perkataan sahaja. Guru hendaklah menyediakan peluang kepada murid untuk berinteraksi dalam bahasa Arab. Ab Halim et. al. (2013), mendapati bahawa kaedah berdialog, mendengar bacaan guru tanpa melihat teks dan melakonkan semula menunjukkan penggunaan yang sederhana. Manakala, Mastura & Kaseh (2012) mendapati murid lemah dalam kemahiran bertutur walaupun telah mempelajari bahasa Arab di peringkat sekolah menengah. Begitu juga mengikut pandangan Zarima et.al. (2008) menyatakan bahawa kebanyakan pelajar lemah dalam pertuturan bahasa Arab.

Selain itu, minat murid terhadap pembelajaran bahasa Arab perlu dipupuk kerana kegagalan murid dalam menguasai bahasa Arab amat berkait rapat dengan minat. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Shah Ujang (2006) yang menyatakan bahawa minat murid terhadap mata pelajaran bahasa Arab berada pada tahap sederhana. Mengikut kajian yang telah dijalankan oleh Saupi Man (2003) ke atas pelajar di Sekolah Arab peringkat menengah atas, mendapati bahawa majoriti pelajar amat lemah dalam kemahiran bertutur dalam bahasa Arab.

Tidak dinafikan mempelajari sesuatu bahasa asing mempunyai kesukaran dan kesulitan dalam proses pembelajarannya (Baharuddin & Shahman, 2012) kerana ia bukan bahasa bagi penutur jati. Beberapa tinjauan telah dijalankan terhadap pencapaian pelajar dalam kemahiran bahasa Arab. (Ishak,1992) telah menyatakan bahawa pelajar yang telah menamatkan pelajarannya di sekolah menengah mempunyai pencapaian yang rendah dalam kemahiran berbahasa, manakala menurut Nik Mohd Rahimi et. al. (1999) mendapati tahap kemahiran bertutur bahasa Arab yang dicapai oleh responden kajiannya berada pada tahap yang sederhana.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan tersebut menunjukkan kebanyakan pelajar menghadapi cabaran untuk menguasai bahasa Arab dengan baik. Antara sebab yang dapat dikenalpasti adalah kekeliruan dalam memahami membina struktur ayat di dalam bahasa Arab di samping faktor-faktor yang lain. Apabila kelemahan seperti ini timbul, maka penguasaan bahasa Arab tidak mungkin tercapai sepenuhnya (Baharuddin & Shahman, 2012). Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap pelaksanaan kemahiran bertutur dalam kalangan guru bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi di Selangor.

OBJEKTIF KAJIAN

Mengenal pasti pelaksanaan kemahiran bertutur yang diaplikasikan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Arab.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat memberi peluang kepada guru-guru Bahasa Arab dalam meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Arab. Dapatan kajian dapat memberi idea kepada pihak sekolah untuk membantu guru Bahasa Arab dengan lebih berkesan. Memberikan panduan kepada pihak yang berkenaan dalam menyediakan latihan kemahiran mengajar dalam bahasa Arab. Dapatan kajian juga dapat memberi panduan kepada pihak berkaitan dalam menyediakan guru Bahasa Arab yang berkualiti untuk SRAI di seluruh Selangor.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan proses pengumpulan data menggunakan persampelan rawak mudah berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Menurut Mohd Majid Konting (2005), persampelan rawak mudah menghendaki setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk diambil atau digunakan sebagai sampel. Selain itu, persampelan rawak mudah sesuai dilakukan sekiranya populasi yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang seragam. Sekolah yang terlibat adalah sekolah sekitar Sekolah Rendah Agama Integrasi di Selangor yang mempunyai 11 buah sekolah. Responden kajian ini adalah guru

Pendidikan Islam iaitu guru bukan opsyen dalam mengajar bahasa Arab. Jumlah responden yang diambil adalah seramai 56 orang sahaja. Hal ini, berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), jumlah responden yang perlu diambil bagi populasi 65 orang adalah seramai 56 orang saiz sampel.

DEMOGRAFI RESPONDEN

Jadual 1.1 Maklumat Profil Responden Guru Bahasa Arab

LATAR BELAKANG	KATEGORI	KEKERAPAN	PERATUSAN %
Jantina			
	Lelaki	14	25.0
	Perempuan	42	75.0
	Jumlah	56	100.0

Umur			
	Kurang dari 25 tahun	1	1.8
	25-35 tahun	18	32.1
	36-45 tahun	27	48.2
	Lebih 45 tahun	10	17.9
	Jumlah	56	100.0

Pendidikan Terakhir sekolah Menengah			
LATAR BELAKANG	KATEGORI	KEKERAPAN	PERATUSAN %
	SMKA	9	16.1
	SBP	4	7.1
	KAA	1	1.8
	SMAN	23	41.1
	SAR	3	5.4
	Lain-lain	16	28.6
	Jumlah	56	100.0

Kelayakan Akademik

	Diploma dalam negara	41	73.2
	Sarjana Muda	13	23.2
	Sarjana	2	3.6
	Jumlah	56	100.0

Kelayakan ikhtisas

	Diploma Pendidikan	44	78.6
	KPLI	2	3.6
	Sijil Perguruan	4	7.1
	Lain-Lain	1	1.8
	Tiada	5	8.9
	Jumlah	56	100

Opsyen Kelayakan Ikhtisas

	Pengajian Islam	38	67.9
	Bahasa Arab	18	32.1
	Jumlah	56	100.0

Pengalaman Mengajar Bahasa Arab

	1 hingga 5 tahun	25	44.6
	6 hingga 10 tahun	24	42.9
	11 hingga 15 tahun	4	7.1
	16 hingga 20 tahun	3	5.4
	Jumlah	56	100.0

Kekerapan menghadiri kursus bahasa Arab dalam tempoh

	1 hingga 5 kali	29	51.8
	6 hingga 10 kali	21	37.5
	11 hingga 15 kali	6	10.7
	Jumlah	56	100.0

Jadual 1.1, Jadual di atas adalah taburan latar belakang responden dalam kalangan guru. Kajian ini melibatkan 56 orang responden dalam kalangan guru bahasa Arab yang mengajar di sekolah-sekolah agama SRAI. Daripada jumlah ini seramai 14 guru (25.0%) adalah lelaki dan seramai 42 guru (75.0%) pula adalah perempuan.

Taburan responden berdasarkan peringkat umur pula menunjukkan yang berumur kurang dari 25 tahun adalah seramai 1 guru (1.8%), 25 hingga 35 tahun adalah seramai 18 guru (32.1%), berumur 36 tahun hingga 45 tahun adalah seramai 27 guru (48.2%), berumur lebih dari 45 tahun seramai 10 guru (17.9%) dan terdapat seorang guru yang tidak memberi maklumat berkaitan.

Manakala taburan responden berdasarkan pengajian di peringkat sekolah menengah menunjukkan seramai 9 guru (16.1%) daripada lepasan SMKA, 4 guru (7.1%) daripada lepasan SBP, 1 guru (1.8%) daripada lepasan KAA, 23 guru (41.1%) daripada lepasan SMAN, 3 guru (5.4%) daripada lepasan SAR, dan 16 guru (28.6%) daripada lain-lain sekolah.

Dari segi kelayakan akademik, seramai 41 guru (73.2%) responden berkelulusan Diploma dalam negeri, seramai 13 guru (23.2 %) berkelulusan sarjana muda dalam negeri dan 2 guru (3.6%) berkelulusan sarjana .

Dari segi kelayakan ikhtisas pula, seramai 44 guru (78.6%) mempunyai kelayakan Diploma Pendidikan, 2 guru (3.6%) telah mengikuti program KPLI, 4 guru (7.1%) mempunyai sijil perguruan, 1 guru (1.8%) mempunyai kelayakan lain dan 5 guru (8.9%) tidak mempunyai sebarang kelayakan ikhtisas.

Manakala opsyen kelayakan ikhtisas pula, seramai 38 guru (67.9%) berpengkhususan Pendidikan Islam dan 18 guru (32.1%) berpengkhususan Bahasa Arab. Dalam aspek pengalaman mengajar bahasa Arab pula, dapatan menunjukkan guru yang berpengalaman kurang dari 5 tahun adalah seramai 25 guru (44.6%), 6 hingga 10 tahun seramai 24 guru

(42.9%), 11 hingga 15 tahun seramai 4 guru (7.1%), dan 16 hingga 20 tahun seramai 3 guru (5.4%).

Manakala aspek kekerapan menghadiri kursus bahasa Arab dapatan menunjukkan responden yang pernah berkursus antara 1 hingga 5 kali adalah seramai 29 guru (51.8%), 6 hingga 10 kali seramai 21 guru (37.5%), 11 hingga 15 kali seramai 6 guru (10.7%).

DAPATAN KAJIAN

Tahap Kemahiran Bertutur Guru

Berdasarkan jadual 1.2 di bawah, dapatan menunjukkan skor min bagi kemahiran bertutur berada di antara 2.68 hingga 4.02 dan nilai min keseluruhan bagi kemahiran bertutur berada pada nilai min 3.49.

Selain itu, dapatan menunjukkan item Bt 1 “Saya meminta murid menyebut perkataan bahasa Arab yang dipelajari” memperoleh nilai min 4.02 berada pada tahap min yang tinggi. Manakala item Bt 2 “Saya meminta murid mengulangi perkataan bahasa Arab tersebut beberapa kali tanpa melihat buku” memperoleh nilai min 3.86 yang berada pada tahap sederhana tinggi. Dari aspek yang lain, item Bt 5 “Saya meminta murid menjalankan perbualan dalam bahasa Arab bersama rakan tanpa melihat buku” memperoleh nilai min 2.89. Manakala, item Bt 6 “Saya meminta murid bercakap di hadapan kelas dalam bahasa Arab tanpa melihat buku atau teks” memperoleh min 2.68.

Dapatan ini menunjukkan bahawa kedua-dua item di atas memperoleh min yang berada pada tahap sederhana rendah. Berdasarkan jadual, dapat disimpulkan bahawa item-item kemahiran bertutur tidak mempunyai nilai min pada tahap rendah.

Jadual 1.2: Tahap Kemahiran Bertutur di Kalangan Guru Bahasa Arab, SRAI

Bil	Penyataan	TP	JJ	KK	K	SK	Min	INT
Bt1	Saya meminta murid menyebut perkataan bahasa Arab yang dipelajari.	--	3 5.4%	14 25.0%	18 32.1%	21 37.5%	4.02	T
Bt2	Saya meminta murid mengulangi perkataan bahasa Arab tersebut beberapa kali tanpa melihat buku.	--	1 1.8%	19 33.9%	23 41.1%	13 23.2%	3.86	ST
Bt3	Saya meminta murid menuturkan ayat bahasa Arab yang dipelajari.	--	4 7.1%	16 28.6%	25 44.6%	11 19.6%	3.77	ST
Bt4	Saya meminta murid mengulangi ayat bahasa Arab tersebut beberapa kali tanpa melihat buku.	1 1.8%	4 7.1%	21 37.5%	21 37.5%	9 16.1%	3.59	ST
Bt5	Saya meminta murid menjalankan perbualan dalam bahasa Arab bersama rakan tanpa melihat buku.	3 5.4%	14 25.0%	25 44.6%	14 25.0%	--	2.89	SR

Bt6	Saya meminta murid bercakap di hadapan kelas dalam bahasa Arab tanpa melihat buku atau teks.	6 10.7%	18 32.1%	21 37.5%	10 17.9%	1 1.8%	2.68	SR
Bt7	Saya memastikan murid memahami apa yang disebut atau dituturkan.	1 1.8%	2 3.6%	17 30.4%	29 51.8%	7 12.5%	3.70	ST
Bt8	Saya meminta murid menyebut secara lisan gambar yang dipaparkan.	--	7 12.5%	15 26.8%	27 48.2%	7 12.5%	3.61	ST
Bt9	Saya meminta murid membina ayat pendek dalam bahasa Arab mengenai gambar yang dipamerkan.	2 3.6%	7 12.5%	31 55.4%	16 28.6%	--	3.09	ST
Bt10	Saya meminta murid meniru sebutan guru tanpa melihat buku.	2 3.6%	6 10.7%	23 41.1%	16 28.6%	9 16.1%	3.43	ST
Bt11	Saya meminta murid menyebut ayat dalam bahasa Arab mengikut nada dan intonasi yang betul tanpa melihat buku.	2 3.6%	6 10.7%	19 33.9%	22 39.3%	7 12.5%	3.46	ST
Bt12	Saya memberi peluang kepada murid bertutur dalam bahasa Arab.	1 1.8%	6 10.7%	18 32.1%	22 39.3%	9 16.1%	3.57	ST
Bt13	Saya membuat pembetulan kesalahan semasa murid bertutur dalam bahasa Arab.	--	5 8.9%	18 32.1%	24 42.9%	9 16.1%	3.66	ST

Berdasarkan dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa guru Bahasa Arab SRAI kurang menitikberatkan kemahiran bertutur dan pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa Arab. Hal ini menyebabkan PdP Bahasa Arab kurang berkesan kerana kurangnya latihan praktikal berbentuk komunikasi. Dengan menggunakan teknik bertutur bahasa Arab di hadapan murid lain di dalam kelas, PdP akan menjadi lebih mudah dan menarik serta memudahkan murid memahami dan mengingati perkataan yang dipelajari serta boleh dipraktikkan di dalam kawasan sekolah atau di luar sekolah seperti di rumah, pasar atau sebagainya. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan guru kurang menekankan kemahiran bertutur dalam proses pengajaran bahasa Arab. PdP bahasa Arab amat memerlukan pendekatan komunikatif yang pelbagai kerana bahasa merupakan alat perhubungan dan komunikasi.

PERBINCANGAN KAJIAN

Aktiviti komunikatif sangat penting dalam pengajaran bahasa kerana menurut Littlewood (1981) aktiviti ini akan dapat menyediakan amalan-amalan keseluruhan tugas (whole-task practice), meningkatkan motivasi dalam pembelajaran, membolehkan wujudnya pembelajaran semulajadi (natural learning), dan mewujudkan konteks atau situasi yang dapat menyokong pembelajaran.

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa guru kurang menekankan kemahiran bertutur dalam proses pengajaran bahasa Arab yang melibatkan perbualan murid di dalam kelas dan di hadapan kelas, berkomunikasi secara rawak di dalam kelas serta guru kurang memberikan galakan kepada murid berkomunikasi secara bebas. Namun, dapatan juga menunjukkan bahawa guru seringkali memperbetulkan kesalahan murid semasa proses bertutur serta guru menuturkan ayat yang mudah. Allwright (1984) berpendapat bahawa, mempraktik komunikasi dalam bilik darjah sangat berguna kepada pelajar bagi membolehkan mereka menggunakan bahasa-bahasa yang dipelajari di dunia luar. Komunikasi disini bermaksud pertuturan sesama guru dan pelajar, sehingga mereka bertukar-tukar peranan sebagai penutur dan pendengar. Toimah (2004) telah membawa konsep situasi komunikasi. Situasi ini di dalam bilik darjah ialah tempat latihan seumpama kolam renang yang menjadi persediaan untuk mengharungi lautan.

Justeru itu, guru sering menekankan aktiviti menyebut perkataan dan ayat. Guru juga sering menekankan aktiviti mengulangi sebutan sesuatu perkataan. Namun, guru kurang mengulangi sebutan ayat. Disamping itu, guru juga kurang menggunakan kaedah tidak melihat buku semasa aktiviti mengulangi sebutan guru dan kurang meminta murid menyebut ayat dalam bahasa Arab mengikut nada yang sesuai. Kesimpulannya, penekanan aktiviti menyebut secara berulang-ulang perkataan dan ayat dengan nada yang betul dalam PdP kemahiran bertutur bahasa Arab dapat membantu murid dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dengan baik.

Selain itu, guru kerap memastikan murid memahami apa yang disebut atau dituturkan dalam bahasa Arab. Namun, guru kurang meminta murid menyebut secara lisan gambar dan menjawab secara lisan soalan kefahaman petikan bahasa Arab. Justeru itu, bagi meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab murid, aspek pemahaman perlu diberikan perhatian oleh guru melalui aktiviti yang dijalankan.

Dapatan kajian ini secara umum selari dengan Rosni Samah (2009) yang menyatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan kemahiran yang sukar dicapai kecuali dengan memperbanyakkan latihan amali dan murid hendaklah menggunakan bahasa Arab dalam pertuturan seharian melalui interaksi dengan guru dan rakan lain.

Dalam konteks yang lain Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2008) menegaskan bahawa P&P bahasa Arab untuk para pelajar Malaysia memerlukan guru yang cekap dan terlatih dalam pedagogi P&P bahasa untuk bukan penutur. Di antara mengajar bahasa ibunda dan bahasa kedua atau bahasa asing ada perbezaan yang besar. Untuk mengajar bahasa kedua kepada bukan penutur memerlukan kemahiran tentang kaedah, teknik, pendekatan dan strategi yang khusus dan berbeza dengan mengajar ilmu agama. Menurut Norzaini Azman & Mohamed Sani Ibrahim (2007), guru yang dikatakan berkesan menguasai subjek-subjek yang akan diajarnya. Menguasai subjek bererti

menguasai konsep-konsep, teori-teori, prinsip-prinsip, fakta-fakta dan skema-skema dalam disiplin yang diajar.

Selain itu, pelbagai pendekatan P&P yang boleh digunakan bagi memastikan pengajaran berkesan seperti pendekatan yang berpusatkan guru, pendekatan berpusatkan pelajar dan pendekatan yang berpusatkan bahan. Pemilihan dan perancangan guru dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif adalah yang dikatakan strategi pengajaran (Ismail et al. 2012). Menurut Mok Soon Sang (1992) dan Atan (1993) amalan pengajaran berkesan berfungsi untuk menghasilkan pembelajaran yang efektif di dalam bilik darjah.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini memperlihatkan bahawa guru-guru bahasa Arab perlu bersikap positif dan berusaha mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dalam P&P bahasa Arab melalui pengajaran yang kreatif, inovatif dan berkualiti agar penguasaan pelajar dalam bahasa Arab dapat ditingkatkan.

Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar harus dipertingkatkan kerana penguasaan bahasa Arab menjadikan rakyat lebih memahami Islam dengan baik dan akhirnya menjadi umat yang berpegang dengan Islam seluruhnya. Justeru, bahasa Arab merupakan aset penting bagi pembinaan sesuatu bangsa, ketinggian maruah agama dan patriotisme kepada negara.

RUJUKAN

- Ab.Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, Rosli Mokhtar, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Asmadi Mustakim & Zetty Nurakmal Azura bt Rashed. (2013). *Penilaian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (JAIS) Di Sekolah Rendah Agama Negeri Sembilan*. Jurnal Pusat Pengurusan dan Penyelidikan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 1-35.
- Allwright, R.L. (1984). The importance of interaction in classroom language learning. *Applied Linguistics* 5:2. 156-171.
- Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin. (2012). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Literatur di Negeri Sembilan*. Prosiding Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012. Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UNISZA.
- Atan Long. 1981. *Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Baharuddin & Shahman. 2012. *Analisis Kontrastif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab dan Melayu*. Masters Thesis. Universiti Malaya.
- Ismail Suardi Wekke. 2012. *Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Pesantren Immim Makassar, Indonesia*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM: Bangi.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 596-608.
- Littlewood, W.T. (1981). *Communicative language teaching : An introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mastura Arshad & Kaseh Abu Bakar. (2012). *Pengurusan Strategi Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Kajian di Pusat Asasi UIAM*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012. p139-155.

- Mohd Shah Ujang. (2006). *Minat, Motivasi dan Sikap Pelajar-Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Sembilan Terhadap Ilmu Nahu*. Disertasi Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang. 1992. *Pedagogi 2: Strategi Pengajaran Pembelajaran Mikro*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Kamarulzaman Abdul Ghani & Mowaffaq Abdullah Al-Qusyeryi. (2008). *Fan Tadris al-Lughah al-'Arabiyyah lighayr al-'Arab*. Kuala Lumpur. Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Kamarulzaman Abdul Ghani dan Muwaffak Abdella Ahmed al-Khusairi. (1999). *Kaedah Pengajaran Bahasa Arab*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Shamsinar Zakaria, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Kamal Din. (2015). *Kesediaan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Diploma Perguruan Pendidikan Islam di KUIS*. Jurnal Pendidikan Bil 1 (2).
- Norzaini Azman & Mohamed Sani Ibrahim. (2007). *Profesion Perguruan*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM
- Rosni Samah. (2009). *Isu Pembelajaran Bahas Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.
- Saupi Man. (2003). Prosiding Wacana Pendidikan Islam. (siri 3). UKM. m/s 266.
- Toimah, R. A. (2004). *Al maharat al lughawiyah : mustawiyatuha, tadrisuha, su'ubatuha*. Kaherah : Dar Al Fikr Al Arabi.
- Zarima Mohd, Zakaria dan Taj Rijal Muhd Ramli. (2008). *Sejarah Perkembangan Program Minor Bahasa Arab di Fakulti Bahasa UPSI*. Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam. UKM. 22-23 Mac 2008.